

**KECEKAPAN KEUNTUNGAN BANK PERDAGANGAN DI MALAYSIA
DALAM ERA LIBERALISASI DAN GLOBALISASI**

OLEH :

**ROSITA SUHAIMI
FIRDAUS ABDULLAH
GLUMA SABAN**

SEPTEMBER 2009

Tarikh : 15 September 2009

No. Fail Projek : 600-IRDC/SSP/FRGS 5/3/2105

Penolong Naib Canselor (Penyelidikan)

Institut Pengurusan Penyelidikan

Universiti Teknologi MARA

40450 Shah Alam

Ybhg. Prof.,

**LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN “KECEKAPAN KEUNTUNGAN BANK
PERDAGANGAN DI MALAYSIA DALAM ERA LIBERALISASI DAN
GLOBALISASI”**

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan 2 (dua) naskah Laporan Akhir Penyelidikan bertajuk “Kecekapan keuntungan bank perdagangan di Malaysia dalam era liberalisasi dan globalisasi”. Sekian, terima kasih.

Yang benar,



PROF. MADYA DR. ROSITA SUHAIMI

Ketua Projek Penyelidikan

ABSTRAK

Dalam era liberalisasi dan globalisasi, bank perdagangan dijangka menghadapi tekanan persaingan sengit yang boleh memaksa mereka mengurangkan keuntungan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji kecekapan bank perdagangan dari aspek kecekapan keuntungan, dan mengkaji faktor-faktor signifikan yang boleh mempengaruhi kecekapan keuntungan bank perdagangan di Malaysia. Pendekatan Sempadan Stokastik pula telah digunakan untuk menganggar kecekapan keuntungan bank. Setelah keuntungan dianggarkan, ia dijadikan pemboleh ubah bersandar dan dikaitkan dengan beberapa pemboleh ubah bebas, iaitu pemboleh ubah persaingan, infrastruktur ICT, pemilikan dan saiz bank perdagangan. Kajian ini meliputi kesemua 23 bank perdagangan di Malaysia dari tahun 1990 hingga 2007. Kajian ini mendapati bahawa bank asing lebih cekap daripada bank tempatan, namun kecekapan keuntungan kedua-dua bank asing dan tempatan mencatat trend penurunan kecekapan. Pelaburan terhadap perbelanjaan ICT didapati tidak signifikan mempengaruhi kecekapan keuntungan bank perdagangan, namun pelaburan bukan ICT, dan persaingan didapati meningkatkan kecekapan keuntungan dengan signifikan. Melalui proses penggabungan bank, saiz bank didapati mengurangkan kecekapan keuntungan dengan signifikan yang mungkin disebabkan masih mengalami proses peralihan penggabungan.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	viii
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 PENDAHULUAN	4
1.2 LATAR BELAKANG DAN KAJIAN LEPAS	4
1.3 OBJEKTIF KAJIAN	8
1.4 METODOLOGI KAJIAN	9
1.5 KEPENTINGAN KAJIAN	12
1.6 KESIMPULAN	13
BAB 2 : PERKEMBANGAN DAN PRESTASI BANK DI MALAYSIA	14
2.1 PENDAHULUAN	14
2.2 CABARAN BANK PERDAGANGAN DI MALAYSIA	15
2.2.1 Cabaran era globalisasi dan liberalisasi	15
2.2.2 Cabaran krisis kewangan	18
2.3 PRESTASI BANK-BANK PERDAGANGAN DI MALAYSIA	22
2.3.1 Kedudukan dan Pengurusan Modal Bank Perdagangan	24
2.3.2 Kedudukan Keuntungan Bank Perdagangan	35
2.3.3 Kecekapan Bank Perdagangan	46

BAB 1: PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Krisis kewangan yang berlaku pada tahun 1997 dan memuncak pada tahun 1998 telah menguji semua ekonomi di dunia, dan lebih-lebih lagi ekonomi di rantau Asia. Namun, sebelum krisis kewangan melanda dan menggugat kedudukan ekonomi dunia, sistem ekonomi dunia juga telah menghadapi beberapa cabaran yang boleh merubah tatacara pengurusan ekonomi setiap negara. Salah satu daripada cabarannya ialah cabaran era globalisasi yang membuat ekonomi dunia harus berhadapan dengan persaingan secara global. Bagi institusi kewangan, prestasi keuntungan amat penting. Dalam era liberalisasi dan globalisasi ini, keuntungan bank perdagangan mungkin terjejas kerana tekanan persaingan boleh memaksa mereka mengurangkan keuntungan. Bagaimanakah persaingan dan kecekapan keuntungan bank di Malaysia? Dalam kekalutan menempuh era globalisasi dan liberalisasi, bagaimanakah pula infrastruktur ICT membantu meningkatkan kecekapan bank di Malaysia? Persoalan inilah yang ingin dijawab oleh kajian ini.

1.2 LATAR BELAKANG DAN KAJIAN LEPAS

Dalam kajian kecekapan bank, ia telah melalui evolusi yang agak dinamik, namun masih wujud ruang untuk memperkembangkan kajian kecekapan bank dalam aspek lain. Kajian tentang kecekapan bank banyak dilakukan di negara maju, sama ada